

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13/4/2011

Strategi kerajaan sasar peningkatan RM4.5 trilion bagi tempoh 10 tahun - PM

# CMP2 lonjak pasaran modal

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 12 April  
Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan Pelan Induk Pasaran Modal 2 (CMP2) iaitu satu strategi kerajaan bagi menyasarkan peningkatan pasaran modal negara hingga mencecah RM4.5 trilion dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, ini bermakna pada 2020 nanti, jumlah pasaran modal negara akan meningkat sekali ganda, malah dengan mengantarabangsakan angka tersebut, nilainya dijangka bertambah kepada RM5.8 trilion dalam tempoh sama.

Menurutnya, pelaksanaan CMP2 meliputi usaha menggalakkan pembentukan modal, meningkatkan kecukupan dan kecairan perantaraan, peruntukan dana kepada kumpulan industri, memperluaskan pasaran bon, mengurangkan birokrasi, memperhebatkan sistem kewangan Islam serta menggalakkan transaksi berskala besar.

"Salah satu keutamaan CMP2 adalah mengukuhkan peranan pasaran modal dengan menggalakkan pembentukan modal daripada peringkat permulaan kepada pembiayaan inovatif, projek baru dan teknologi hijau yang canggih.

"Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak dana untuk disalurkan kepada industri modal teroka dan ekuiti swasta melalui penggabalan peraturan kawal selia secara menyeluruh di samping menyediakan insentif serta sokongan kepada kumpulan sasar," katanya.

Beliau menyampaikan ucapan ma sempena majlis perasmian In-

vest Malaysia 2011 di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Bursa Malaysia, Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Tan Sri Zarinah Anwar; Pengerusi Kumpulan Maybank, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd. Nor; Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Tajuddin Atan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Beliau yang juga Menteri Kewangan turut menekankan peranan CMP2 dalam meningkatkan kecukupan serta kecairan perantaraan.

Katanya, Malaysia amat bertuah kerana berada dalam kedudukan baik bagi membiayai keperluan pelaburannya melalui pengumpulan simpanan domestik yang besar.

"Malah simpanan Malaysia yang tinggi dijangka memacu pertumbuhan pantas industri pengurusan pelaburan dengan aset di bawah pengurusan dijangka meningkat daripada RM377.4 bilion pada 2010 kepada RM1.6 trilion pada 2020," katanya lagi.

Ujarnya, pertumbuhan kukuh dalam industri pengurusan aset merupakan satu ciri utama bagi negara yang dalam proses peralihan menjadi sebuah negara maju.

"Sebagai gambaran keyakinan terhadap industri pengurusan pelaburan di Malaysia, kita jangka kadar penembusan industri unit amanah akan meningkat dari 18 peratus pada 2010 kepada 34 peratus pada 2020 dan tahap ini biasanya dikaitkan dengan negara maju.

"Seterusnya, ia akan meningkatkan lagi penghasilan aset yang menajana pendapatan bagi memenuhi keperluan institusi pelabur tempatan," katanya.



NAJIB Tun Razak menyampaikan ucapan ketika merasmikan Invest Malaysia 2011 di Kuala Lumpur, semalam.  
- UTUSAN/MOHD. NOOR AMIN